

PERSEPSI GURU BAHASA MELAYU TERHADAP TAHAP BIMBINGAN PEMBIMBING PAKAR PENINGKATAN SEKOLAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN

Kana anak Usetⁱ & Zamri Mahamodⁱⁱ

ⁱSISC+. Pejabat Pendidikan Daerah Julau. kanauset@gmail.com

ⁱⁱPensyarah Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
d-zam@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru bahasa Melayu di daerah Julau terhadap tahap bimbingan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Tahap bimbingan terbahagi kepada enam dimensi iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan pemantau berterusan kepada murid untuk kekal sebagai pembelajar aktif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Seramai 65 orang guru bahasa Melayu yang mengajar di 15 buah sekolah rendah, sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan tiga buah sekolah menengah harian daerah Julau telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang kaji selidik sebagai alat instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package For Science Social (SPSS) versi 23.0* untuk pemerihalan data deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai purata min keseluruhan bagi tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap PdPc guru bahasa Melayu pada tahap yang sederhana dengan skor min 3.20 dan sisihan piawai 0.07. Sementara tahap bimbingan yang paling tinggi daripada 6 aspek impak bimbing ialah tahap bimbingan pembelajaran bahasa Melayu dengan nilai min 4.29, manakala sisihan piawai 0.40. Selain itu, dapatan kajian turut mendapati bahawa tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap murid sebagai pembelajar aktif dalam PdPc juga pada tahap sederhana dengan min 3.04 dan sisihan piawai 0.64. Ujian *t* yang dijalankan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan bimbingan mengikut jantina manakala hasil ujian ANOVA pula mendapati bahawa tidak wujud hubungan di antara tahap bimbingan dengan opsyen guru tetapi terdapat kesan kekerapan bimbingan yang signifikan terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+. Hasil kajian mendapati guru-guru bahasa Melayu di daerah Julau memberikan respons yang positif terhadap bimbingan jurulatih SISC+.

Kata kunci : *persepsi, tahap bimbingan, jurulatih SISC+*

1.0 PENGENALAN

Melalui ANJAKAN YANG KEENAM (6), terkandung inisiatif untuk meningkatkan fungsi dan peranan JPN, PPD dan sekolah. Inisiatif ini memberi fokus kepada cara untuk membantu pentadbir dan pihak sekolah mengenal pasti punca masalah dan halangan yang dihadapi dalam usaha meningkatkan tahap dan juga kualiti pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah (KPM 2012). Rentetan daripada keperluan ini, maka diwujudkan jawatan jurulatih SISC+ di Pejabat Pendidikan Daerah bermula pada tahun 2014. Arsaythamby dan Mary (2013) menyatakan melalui penyeliaan pelaksanaan PdPc dapat dikesan dan dipantau untuk menjamin keberkesanannya. Oleh itu, kewujudan jawatan baharu, iaitu jurulatih SISC+ yang ditempatkan secara sepenuh masa di PPD mampu membawa kepada perubahan yang diinginkan bagi meningkatkan mutu PdP guru di sekolah. Kajian Rozita et al (2016) mendapati bimbingan dalam PdPc kepada guru-guru yang tidak berada dalam prestasi cemerlang bertujuan untuk meningkatkan kualiti PdPc. Noel dan Zamri (2017) berpendapat hanya bimbingan yang terancang serta konsisten sahaja mampu mengubah sikap dan persepsi guru dibimbing dalam menjadikan PdP supaya lebih berkesan, menarik dan mudah diterima. Ini kerana guru merupakan tonggak utama dalam penyampaian dasar-dasar kerajaan di sekolah sejajar dengan hala tuju sistem pendidikan negara yang terkini. Oleh itu, tadbir urus sekolah perlu pembugaran

semula bagi merealisasikan dua sasaran mikro yang merupakan antara tumpuan utama Gelombang Kedua PPPM 2016-2020 iaitu kualiti sekolah dan kemenjadian murid.

2.0 METODOLOGI

Pendekatan kajian kuantitatif ini mengutamakan reka bentuk kajian yang berfokus kepada kajian tinjauan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru bahasa Melayu terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+ dalam pengajaran berasaskan bahasa Melayu. Pelaksanaan kajian berpandukan Model GROW yang dipelopori oleh John Whitemore (2002). Model ini digunakan oleh SISC+ untuk menyelesaikan masalah dan melakukan proses penetapan sasaran (goal setting) agar dapat memaksimumkan potensi para coachee. Terdapat empat langkah utama dalam model ini, iaitu '*goal setting*' (G), '*reality checking*' (R), '*opportunity*' (O) dan '*will*' atau '*what next*' (W). Data kajian diperoleh daripada satu set populasi guru yang dibimbing (GDB), iaitu seramai 65 orang menggunakan kaedah soal selidik. Penggunaan soal selidik oleh pengkaji adalah sesuai kerana susunan item yang hendak digunakan lebih sistematik dan memudahkan untuk penganalisan data oleh pengkaji.

3.0 DAPATAN

Dapatan kajian berkaitan analisis latar belakang dan persepsi responden terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+ dalam PdPc bahasa Melayu. Bimbingan jurulatih SISC+ terhadap PdPc terbahagi kepada enam aspek berdasarkan persepsi GDB yang menjadi responden. Antaranya, demografi responden serta enam aspek utama dalam SKPMg2 Standard 4, iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai serta memastikan pelibatan aktif murid dalam pelaksanaan proses PdP.

3.1 Demografi Responden

Analisis latar belakang responden telah dilakukan ke atas 65 orang responden yang telah mengembalikan borang soal selidik iaitu melibatkan guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+. Analisis ini dibahagikan mengikut ciri-ciri latar belakang seperti tempat bertugas, gred jawatan, jantina, umur, tempoh bimbingan, pengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Melayu, kelulusan akademik, opsyen, jumlah bimbingan dan kategori sekolah tempat responden bertugas. Penyelidikan ini akan menerangkan hasil kajian berdasarkan objektif kajian dan analisis data yang diperolehi daripada 65 orang responden yang merupakan GDB kepada jurulatih SISC+. Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian.

Jadual 1. Demografi responden

Tempat Responden bertugas	Bilangan	Peratus (%)
SMK	20	30.8
SK	41	63.1
SJK	4	6.2
Gred Jawatan Responden	Bilangan	Peratus (%)
DGA29	2	3.1
DGA32	2	3.1
DG41	38	58.5
DG44	23	35.4
Jantina responden	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	32	49.2
Perempuan	33	50.8
Umur responden	Bilangan	Peratus (%)
25-30 Tahun	17	26.2
31-35 Tahun	10	15.4
36 dan ke atas	38	58.5
Tempoh bimbingan jurulatih SISC+	Bilangan	Peratus (%)
Kurang Setahun	2	3.1
1 Tahun	19	29.2
2 Tahun	34	52.3
3 Tahun dan ke atas	10	15.4
Pengalaman responden mengajar bahasa Melayu	Bilangan	Peratus (%)
0-5 tahun	22	33.8
6-10 tahun	14	21.5
11 tahun ke atas	29	44.6
Kelulusan responden	Bilangan	Peratus (%)
Siswazah	61	93.8
Bukan siswazah	4	6.2
Opsyen responden	Bilangan	Peratus (%)
Ya	37	56.9
Tidak	28	43.1
Kekerapan bimbingan SISC+	Bilangan	Peratus (%)
Kurang dari 3 kali	25	38.5
Melebihi 3 kali	40	61.5
Kategori lokasi sekolah	Bilangan	Peratus (%)
Luar bandar	50	76.9
Pedalaman	15	23.1

Merujuk kepada Jadual 1, seramai 30.8 % orang responden merupakan guru bahasa Melayu yang bertugas di sekolah menengah (SM), manakala 63.1 % daripada 65 orang responden merupakan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah (SK). Hal ini menunjukkan bahawa, sekolah rendah lebih banyak di daerah ini berbanding dua jenis sekolah tersebut yang menyebabkan faktor responden lebih ramai dari sekolah rendah. Selain itu, sebanyak 6.2 % daripada responden terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Seterusnya, gred jawatan responden dengan masing-masing 3.1 % daripada responden merupakan guru bahasa Melayu yang bergred DGA29 dan DGA32. Seterusnya, seramai 58.5 % daripada jumlah responden merupakan guru-guru bahasa Melayu yang bergred DG41. Manakala seramai 23 orang guru yang menjadi responden tersebut adalah bergred DG44.

Daripada 65 orang responden mengajar bahasa Melayu yang menjadi responden dan dipilih menjadi sampel kajian, 49.2 % adalah guru lelaki dan 50.8 % adalah guru perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan guru perempuan adalah melebihi daripada bilangan guru lelaki. Di samping itu, responden yang terlibat dalam kajian ini pula terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Responden telah dibahagikan kepada 3 kategori umur iaitu 25 hingga 30 tahun, 31 hingga 35 tahun, dan 36 tahun dan ke atas. Sebahagian besar responden berada pada kategori umur 36 tahun ke atas (58.5 %), diikuti oleh responden yang 25 hingga 30 tahun (26.2 %), dan kategori 31 hingga 35 tahun iaitu 15.4 % yang merupakan kategori umur yang terendah sekali.

3.2 Analisis Keseluruhan Persepsi Guru Bahasa Melayu Terhadap Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+

Dapatan kajian iaitu analisis kajian persepsi responden terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+ dalam PdPc bahasa Melayu dibahagikan kepada enam dimensi bimbingan iaitu bimbingan jurulatih SISC+ sebagai perancang pengajaran berasaskan aktiviti, sebagai pengawal dengan mengelola pembelajaran berasaskan aktiviti, sebagai pembimbing dengan mengelola pembelajaran dalam pengajaran berasaskan aktiviti, sebagai pendorong semasa melaksanakan pengajaran berasaskan aktiviti, sebagai penilai semasa melaksanakan pengajaran berasaskan aktiviti dan juga pendorong kepada murid sebagai pembelajar aktif. Analisis kajian ini menggunakan statistik deskriptif sebagai min dan sisihan piawai. Analisis dapatan kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian dan juga 3 hipotesis kajian.

3.3 Persepsi Guru Bahasa Melayu Terhadap Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Sebagai Perancangan Pengajaran Berasaskan Aktiviti

Analisis deskriptif bagi tiga item aspek tahap keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ menunjukkan item ke-3 "*menentukan kaedah pentaksiran dalam PdPc*" mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu sebanyak 4.21 dengan sisihan piawai ($sp=0.51$) pada tahap pengetahuan yang tinggi. Dengan 47 orang atau 72.30% bersetuju dan 16 atau 24.61% orang GDB sangat bersetuju bahawa bimbingan jurulatih SISC+ amat berguna dalam menentukan pentaksiran dalam PdPc. Nilai min yang terendah adalah pada item ke-3 "*Tidak menyediakan ABM/BBM/BBB/TTMK untuk PdPc*" dengan nilai min 2.60 dan sisihan piawai 0.86 pada tahap keberkesanan yang sederhana. Berdasarkan Jadual 2, skor min keseluruhan bagi aspek tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai perancang PdPc menunjukkan nilai min=3.20 dengan sisihan piawai 0.68 dengan tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai perancang PdPc adalah pada tahap sederhana.

Jadual 2. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai perancang PdPc

Bil.	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
1.	Tidak menyediakan RPH mengandungi objektif yang boleh diukur dan aktiviti pembelajaran yang sesuai	0	0	24 53.84%	37 27.69%	4 13.84%	2.69	.98	Sederhana
2.	Menentukan kaedah pentaksiran dalam PdPc	0	0	2 3.08%	47 72.30%	16 24.61%	4.21	.51	Tinggi
3.	Tidak menyediakan ABM/BBM/BBB/ TMK untuk pengajaran berasaskan aktiviti	0	29 44.61%	37 56.92%	0	0	2.60	.86	Sederhana
Min Keseluruhan						3.20	.68	Sederhana	

3.3 Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Sebagai Pengawal Dengan Mengelola PdPc

Analisis data seperti pada Jadual 3 menunjukkan skor min secara keseluruhannya bagi aspek tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pengawal dengan mengelola PdPc ialah min 3.16, iaitu berada di tahap sederhana dengan sisihan piawai 0.63. Daripada 7 item yang dikemukakan, didapati item yang ke-8 iaitu "*Mengawasi perlakuan murid dalam PdPc*" mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu min 3.96 dengan sisihan piawai 0.25. Seramai 63 orang GDB atau 96.92% bersetuju yang jurulatih SISC+ memberi banyak input dalam membantu mereka mengawasi perlakuan murid. Nilai min yang paling rendah adalah pada item ke-10, iaitu "*Tidak mewujudkan persekitaran pembelajaran menyeronokkan*" dengan nilai min 2.50. Terdapat 36 orang atau 55.38% GDB tidak bersetuju bahawa selepas bimbingan mereka tidak mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Jadual 3 menunjukkan skor min secara terperinci bagi tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pengawal dengan mengelola PdPc.

Jadual 3. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pengawal dengan mengelola PdPc

Bil	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
4.	Tidak mengelola isi pelajaran/skop pembelajaran yang dirancang	4 6.1%	32 49.2%	17 26.2%	8 12.3%	5 7.7%	2.71	.88	Sederhana
5.	Mengelola masa PdPc selaras dengan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan	0	1 1.54%	24 36.92%	40 61.53%	0	3.60	.52	Tinggi
6.	Tidak memberi peluang kepada penyertaan aktif murid	0	35 53.84%	18 27.69%	8 12.3%	4 6.15%	2.70	.87	Sederhana
7.	Mengawasi komunikasi murid dalam PdPc	0	1 1.54%	1 1.54%	63 96.92%	0	3.95	.27	Tinggi
8.	Mengawasi perlakuan murid dalam PdPc	0	0	2 3.07%	63 96.92%	0	3.96	.25	Tinggi
9.	Tidak menyusun atur kedudukan murid	0	35 53.84%	18 27.69%	9 13.84%	3 4.61%	2.69	.98	Sederhana
10.	Tidak mewujudkan persekitaran pembelajaran menyeronokkan	0	36 55.38%	25 38.46%	4 6.15%	0	2.50	.78	Sederhana
Min Keseluruhan						3.16	.63	Sederhana	

3.4 Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Sebagai Pembimbing Dengan Mengelola PdPc

Berdasarkan Jadual 4, analisis dapatan kajian menunjukkan tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pembimbing dengan mengelola PdPc. Min keseluruhan bagi tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pembimbing dengan mengelola PdPc ini sederhana, iaitu 2.82, (SP= 0.83). Min tahap bimbingan jurulatih SISC+ paling tinggi ialah pada item ke-11 iaitu "*Memberi tunjuk ajar tunjuk cara atau panduan mengisi isi pelajaran, konsep, fakta berkaitan pelajaran*" dengan nilai 4.01 (SP= 0.81) iaitu 66 orang atau 95.38% GDB bersetuju dan tiga orang 4.61% sangat bersetuju bahawa mereka telah mengelola isi pelajaran dengan skop pembelajaran yang dirancang. Responden juga mengakui bahawa mereka "*Memandu murid menggunakan atau memanfaatkan sumber pendidikan berkaitan pelajaran*" dengan min 2.65 (SP= 0.82) untuk berada pada tahap

seederhana. Terdapat 45 orang bersamaan 69.23% GDB kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka tidak memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa bimbingan jurulatih SISC+ berkesan dalam meningkatkan kemahiran guru-guru bahasa Melayu dengan memberi impak kepada guru-guru sebagai pembimbing dengan mengelola iaitu guru-guru dapat meningkatkan kemahiran mengelola aktiviti PdPc dengan lebih baik lagi selaras dengan aktiviti yang dirancang. Item ke-12 mencatat min=2.28 terendah kerana 41 orang GDB atau 63.07% kurang bersetuju dengan pernyataan, *'tidak memberi tunjuk ajar panduan menguasai kemahiran dalam aktiviti pengajaran'*, begitu juga dengan item ke-13, iaitu 40 orang GDB atau 61.54% kurang bersetuju dengan pernyataan *"tidak memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaran"* sekadar mencatat min 2.62 pada tahap sederhana sahaja. *"tidak menggabung, merentas, mengaitkan isi pelajaran dengan tajuk, unit, tema dan kemahiran dalam aktiviti pelajaran"* mencatat skor min 2.52 kedua terendah, dimana 32 orang atau 49.23% kurang bersetuju dan 31 orang (47.69%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun semuanya masih berada pada tahap sederhana.

Jadual 4. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pembimbing dengan mengelola PdPc

Bil.	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
11.	Memberi tunjuk ajar tunjuk cara/panduan mengisi isi pelajaran/konsep/fakta berkaitan pelajaran	0	0	0	62 95.38%	3 4.61%	4.01	.81	Tinggi
12.	Tidak memberi tunjuk ajar panduan menguasai kemahiran dalam aktiviti pengajaran	3 4.61%	41 63.07%	21 32.30%	0	0	2.28	.84	Sederhana
13.	Tidak memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaran	0	25 38.46%	40 61.54%	0	0	2.62	.79	Sederhana
14.	Tidak memandu murid menggunakan/memanfaat sumber pendidikan berkaitan pelajaran	3 4.62%	17 26.15%	45 69.23%	0	0	2.65	.82	Sederhana
15.	Tidak menggabung/merentas/mengaitkan isi pelajaran dengan tajuk/unit/tema/kemahiran dalam aktiviti pelajaran	0	31 47.69%	32 49.23%	2 3.07%	0	2.52	.87	Sederhana
Min Keseluruhan							2.82	.83	Sederhana

3.5 Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Sebagai Pendorong Semasa Melaksanakan PdPc

Jadual 5 pula menunjukkan tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pendorong semasa melaksanakan PdPc. Min keseluruhan ialah 4.29 (SP= 0.40) yang menunjukkan tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pendorong kepada guru-guru bahasa Melayu semasa melaksanakan PdPc tinggi. Ini berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan maklum balas responden tentang tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pendorong kepada murid-murid ketika melaksanakan PdPc.

Min tahap bimbingan guru sebagai pendorong pula ialah 4.47. (SP= 0.56) iaitu 64 orang (98.46%) GDB setuju dan sangat setuju bahawa mereka "*Mendorong emosi murid dengan memberi pujian/ galakkan terhadap pelakuan positif*" dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Responden juga 100% bersetuju bahawa mereka telah "*Merangsang murid berkomunikasi*" semasa pelaksanaan PdP dalam bilik darjah dan ini mencatat min 4.33 (SP= .64) bagi item ke-16 bagi tahap yang ketiga tinggi dalam Jadual 5. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ bagi kemahiran dan pengetahuan guru sebagai pendorong merupakan tahap bimbingan yang paling tinggi dalam dapatan kajian ini berbanding lima dimensi kajian yang lain.

Jadual 5. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai pendorong semasa melaksanakan PdPc

Bil.	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
16.	Merangsang murid berkomunikasi	0	0	0	43 66.15%	22 33.84%	4.33	.64	Tinggi
17.	Merangsang murid berkolaboratif dalam aktiviti pembelajaran	0	0	0	46 70.77%	19 29.23%	4.29	.63	Tinggi
18.	Mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif	0	0	2 3.08%	47 72.31%	16 24.61%	4.21	.51	Tinggi
19.	Mengajukan soalan/ mewujudkan situasi yang menjurus ke aras membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	0	0	0	58 89.23%	7 10.77%	4.10	.64	Tinggi
20.	Mewujudkan peluang murid memimpin	0	0	0	46 70.77%	19 29.23%	4.29	.58	Tinggi
21.	Menggalakkan murid mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran	0	0	0	49 75.38%	16 24.62%	4.24	.47	Tinggi
22.	Menggalakkan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara sendiri	0	0	0	46 70.77%	19 29.23%	4.29	.58	Tinggi
23.	Mendorong emosi murid dengan memberi pujian/ galakan terhadap pelakuan positif	0	0	1 1.54%	32 49.23%	32 49.23%	4.47	.56	Tinggi
24.	Mendorong emosi dengan memberi penghargaan terhadap hasil kerja/idea yang bernas	0	0	0	39 60%	26 40%	4.40	.55	Tinggi
25.	Mendorong emosi murid dengan memberi keyakinan dalam mengemukakan soalan/ memberi respons	0	0	2 3.08%	41 63.08%	22 33.84%	4.30	.49	Tinggi
26.	Mendorong emosi dengan prihatin terhadap keperluan murid	0	0	0	44 67.69%	21 32.31%	4.32	.56	Tinggi
Min Keseluruhan							4.29	.40	Tinggi

3.6 Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Sebagai Penilai Semasa Melaksanakan PdPc

Analisis data seperti dalam Jadual 6 menunjukkan nilai min bagi setiap item berada antara 2.72 hingga 4.20 (nilai min sederhana dan tinggi). Didapati item ke-28 "Menjalankan aktiviti pemulihan/ pengayaan dalam pengajaran berasaskan aktiviti" mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu min=4.20 dengan sisihan piawai 0.61. Dimana seramai 52 orang GDB (80%) setuju bahawa mereka telah menjalankan aktiviti pemulihan dalam pengajaran. Sementara 13 orang (20%) pula memberi respon sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Item ini mencatatkan min yang terendah dengan nilai min=2.72 dan sisihan piawai 0.89, iaitu pada tahap yang sederhana dengan sebanyak 4 item iaitu item ke-27, item ke-29 hingga item ke-31. Dimana 61 orang GDB (93.85%) tidak setuju dan kurang setuju dengan pernyataan item tersebut. Nilai skor min keseluruhan bagi kategori ini pula ialah min=3.01 dengan sisihan piawai 0.72 menunjukkan tahap keberkesanan bimbingan jurulatih terhadap peranan guru sebagai penilai semasa melaksanakan PdPc juga berada pada tahap sederhana.

Jadual 6. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ sebagai penilai semasa melaksanakan PdPc

Bil.	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
27.	Tidak menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
28.	Menjalankan aktiviti pemulihan/ pengayaan	0	0	0	52 80%	13 20%	4.20	.61	Tinggi
29.	Tidak memberi latihan/ tugas berkaitan pelajaran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
30.	Tidak membuat refleksi PdPc	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
31.	Tidak menyemak/ menilai hasil kerja/latihan tugas	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
Min Keseluruhan						3.01	.72	Sederhana	

3.7 Tahap Bimbingan Jurulatih SISC+ Terhadap Murid Sebagai Pembelajar Aktif

Analisis deskriptif dalam Jadual 7 menunjukkan tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap murid sebagai pembelajar aktif dengan nilai min keseluruhan pada tahap sederhana dengan skor min=3.04 manakala sisihan piawainya 0.64. Terdapat 6 item yang dinilai dalam Jadual 4.7 iaitu item ke-32 hingga item ke-38. Item yang paling tinggi nilai min ialah item ke-37 iaitu "Mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan murid / isu tempatan / global" dengan nilai 4.18 dan sisihan piawai bernilai 0.49 serta nilai interprestasinya tinggi. Dengan 53 orang GDB (81.54%) bersetuju dan 12 orang GDB (18.46%) sangat bersetuju. Manakala item yang kedua tinggi merupakan item ke-32 "Memberi respon berkaitan isi pelajaran" dengan nilai min 3.50 pada tahap sederhana dan sisihan piawai 0.70. Nilai min yang paling rendah dalam Jadual 4.7 ialah sebanyak 2.72 dengan sisihan piawai 0.89 pada item ke 33 hingga item ke-36 dan item ke-38 dengan rata-rata GDB atau 39 orang GDB (60%) kurang bersetuju yang mereka tidak melaksanakan tugas seperti yang dibimbing.

Jadual 7. Tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap murid sebagai pembelajar aktif

Bil	Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
		STS	TS	KS	S	SS			
32.	Memberi respon berkaitan isi pelajaran	0	4 6.16%	24 36.92%	37 56.92%	0	3.50	.70	Tinggi
33.	Tidak berkomunikasi dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
34.	Tidak melaksanakan aktiviti pembelajaran secara kolaboratif	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
35.	Tidak memberi respons yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
36.	Tidak mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Sederhana
37.	Mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan murid/ isu tempatan / global			0	53 81.54%	12 18.46%	4.18	.49	Tinggi
38.	Tidak membuat keputusan / menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran	0	22 33.85%	39 60%	4 96.15%	0	2.72	.89	Tinggi
Min Keseluruhan							3.04	.64	Sederhana

4.0 HIPOTESIS

Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan bimbingan oleh GDB lelaki dan GDB wanita terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+

Jadual 8. Nilai t bagi perbandingan jantina terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+

Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
							Lower	Upper
1.284	.262	.347	62	.730	.04658	.13415	-.22157	.31473
		.347	57.000	.730	.04658	.13415	-.22204	.31520

Merujuk kepada Jadual 8, nilai F yang diperoleh melalui Ujian Levene's ialah 1.284 dan nilai ini tidak signifikan pada $p = .05$. Ini menjelaskan bahawa varian tahap penerimaan bimbingan oleh GDB antara lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan. Berdasarkan Jadual 8 tersebut juga menunjukkan nilai- t bagi tahap penerimaan bimbingan jurulatih SISC+ antara GDB lelaki dan wanita ialah $t = 0.347$ dan tahap signifikan $p = .047$, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap tahap penerimaan bimbingan jurulatih SISC+. Ini membuktikan bahawa Ho1 adalah diterima bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan bimbingan oleh GDB lelaki dan GDB perempuan terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+.

Ho2: Tidak terdapat hubungan tahap bimbingan SISC+ dengan opsyen guru

Jadual 9. Ujian ANOVA hubungan tahap bimbingan SISC+ dengan opsyen guru

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	.000	1	.000	.001	.976
Dalam Kumpulan	17.885	62	.288		
Jumlah	17.886	63			

Merujuk Jadual 9, secara keseluruhannya tidak wujud hubungan yang signifikan antara tahap bimbingan jurulatih SISC+ dengan opsyen guru dengan nilai ($p = 0.976$, $p > 0.05$). Nilai ini menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan di antara tahap bimbingan jurulatih SISC+ dengan opsyen guru. Oleh itu, Ho2 diterima.

Ho3: Tidak terdapat kesan kekerapan bimbingan SISC+ terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+.

Jadual 10. Ujian ANOVA kesan kekerapan bimbingan SISC+ terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.781	1	1.781	6.857	.011
Dalam Kumpulan	16.105	62	.260		
Jumlah	17.886	63			

Ujian ANOVA dalam Jadual 10 menunjukkan keputusan kesan kekerapan bimbingan jurulatih SISC+ bersama GDB terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+. Dapatan ujian menunjukkan terdapat kesan kekerapan bimbingan yang signifikan terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+, iaitu ($F = 6.857$, $p = 0.011$). Ini membuktikan bahawa kekerapan bimbingan jurulatih SISC+ telah memberi kesan terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+, oleh itu Ho3 tidak diterima.

5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, tahap bimbingan jurulatih SISC+ kepada guru dapat dilihat berdasarkan enam aspek utama iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan mewujudkan murid sebagai pembelajar aktif dalam mengikut proses pengajaran dan pembelajaran. Semua aspek menunjukkan guru mencapai tahap yang sederhana kecuali guru sebagai pendorong mendapat skor min yang tertinggi iaitu 4.29 dengan sisihan piawai 0.40. Walau bagaimanapun, selepas bimbingan SISC+, GDB menunjukkan peningkatan yang lebih baik. Sebagai perancang, guru dapat menyediakan RPH yang boleh diukur, merancang aktiviti pembelajaran, menentukan kaedah pentaksiran dan juga dapat merancang penggunaan BBM serta TMK yang sesuai. Selain itu, GDB berupaya mengelola kelas dengan baik, membimbing murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaran. GDB dilihat sentiasa menjadi pendorong kepada murid dan dapat melakukan pentaksiran menggunakan pelbagai kaedah. Pengkaji melihat, GDB perlu meningkatkan profesionalisme diri sebagai seorang guru dengan meneroka dan memahami SKPMg2 Standard 4 dengan lebih baik agar berupaya menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan.

6.0 CADANGAN

Kajian ini hanya mengkaji tentang persepsi guru-guru bahasa Melayu terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+ dalam PdPc bahasa Melayu. Dengan ini, adalah dicadangkan supaya kajian ini dapat dijalankan secara meluas meliputi tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap mata pelajaran lain seperti Matematik, bahasa Inggeris, Sains malah mata pelajaran lain bagi memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang keberkesanan bimbingan. Dicapangkan juga supaya penyelidikan yang selanjutnya perlu meliputi aspek-aspek yang lebih banyak dan lebih relevan. Selain daripada itu, dicadangkan juga agar kajian akan datang memfokuskan persoalan masalah berkaitan faktor-faktor yang menyumbang ke arah masalah yang wujud semasa dan selepas bimbingan jurulatih SISC+ diadakan. Ini bermatlamat untuk mengetahui tentang kelemahan-kelemahan yang wujud dalam bimbingan jurulatih SISC+ bersama dengan GDB.

Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh semua jurulatih SISC+ untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan mutu bimbingan. Seterusnya ia akan bertindak sebagai faktor perancang penambahbaikan yang boleh dibuat ke atas bimbingan dan berupaya mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ke arah memantapkan lagi bimbingan jurulatih SISC+. Selain daripada itu, kajian akan datang seharusnya berupaya membantu KPM (BPSH) menambahbaik SOP bimbingan jurulatih SISC+ bagi

memantapkan lagi program bimbingan jurulatih SISC+ bagi menepati objektif dan matlamat jawatan jurulatih SISC+ dalam Program DTP seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini memberi implikasi positif terhadap tahap bimbingan jurulatih SISC+ terhadap PdPc guru-guru bahasa Melayu. Bimbingan jurulatih SISC+ berupaya meningkatkan kualiti PdPc guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing. Ini menunjukkan bahawa, peranan yang dimainkan oleh jurulatih SISC+ dalam peningkatan kualiti PdPc guru bahasa Melayu memberi impak yang tinggi kepada guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing kerana jurulatih SISC+ merupakan sumber rujukan utama guru dalam menjadi pendidik yang berkualiti. Jurulatih SISC+ bukan sahaja menjadi pembimbing dalam PdPc, malahan berupaya memberi impak kepada peningkatan profesionalisme guru-guru. Donna Morgan (2010) menyatakan bahawa guru-guru yang terlibat dalam bimbingan turut menghargai bimbingan jurulatih dalam pelbagai bidang termasuklah pengurusan bilik darjah, disiplin dan sokongan emosi. Selain itu, kajian ini telah menyediakan maklumat keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ kepada guru-guru yang dibimbing yang mempunyai impak terhadap pengetahuan dan kemahiran guru-guru di dalam PdPc bahasa Melayu. Oleh itu, maklumat yang terdapat dalam kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak pengurusan seperti pihak pentadbir sekolah dan juga pihak pentadbir di pejabat pendidikan daerah (Unit Pengurusan Akademik atau Unit Coaching dan Mentoring) untuk menambahbaik proses bimbingan supaya memberi impak yang lebih tinggi terhadap kualiti PdPc guru dan juga pencapaian murid. Justeru, bagi kajian akan datang dicadangkan penyelidik melaksanakan kajian yang lebih menyeluruh melibatkan tahap bimbingan terhadap panitia bahasa Melayu dan hubungkait tahap bimbingan dengan pencapaian murid-murid. Selain itu, disarankan juga dijalankan kajian tentang hubungkait tahap bimbingan dengan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah. Kaedah kajian juga turut disaran untuk dilakukan penambahbaikan seperti melalui temu bual dan melakukan pemerhatian bagi kaedah mendapatkan data kajian.

RUJUKAN

- Arsaythamby Veloo & Mary Macdalena A Komuji. (2013). Kesan penyeliaan klinikal terhadap prestasi pengajaran guru sekolah menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 28, 81-102. Universiti Sains Malaysia.
- John Whitmore. (2002). *Coaching For Performance: GROWing People, Performance and Purpose*. Amerika Syarikat: Nicholas Brealey Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Morgan, Donna T. Hamblin, "The Impact of Job-Embedded Professional Development Coaches on Teacher Practice. (2010). Electronic Theses and Dissertations. Paper 1755.
- Noel Jimbai & Zamri Mahamod. (2017). Penerimaan guru-guru bahasa Melayu terhadap bimbingan dan pementoran SISC+. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan 2017. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozita Radhiah Said, Mohamad Brahim & Azhar Md. Sabil. (2016). Bimbingan dan pementoran berfokus oleh SISC+ BM: impak terhadap kualiti pengajaran guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(2):131-139.

Biodata Ringkas Penulis

Zamri Mahamod, Profesor Dr. ialah Pensyarah Kanan di Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan UKM. Berpengalaman lebih 20 tahun sebagai pensyarah bidang Pendidikan bahasa Melayu dan Pendidikan Guru. Menghasilkan banyak terbitan ilmiah berbentuk jurnal, buku, bab dalam buku serta prosiding seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang kepakarannya

Kana anak Uset ialah Jurulatih SISC+ bahasa Melayu di Pejabat Pendidikan Daerah Julau, Sarawak. Berpengalaman mengajar di dua buah sekolah rendah sebagai guru bahasa Melayu. Pernah menjawat jawatan Ketua Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan di Pejabat Pendidikan Daerah Selangau, Sibul, Sarawak.